

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**  
**TARIKH : 20.3.2018 (SELASA)**  
**SOALAN :**

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil siasatan ke atas kes kematian seorang pelajar belasan tahun M. Vasanthapiriya di Pulau Pinang dan tindakan yang diambil, termasuk juga pembocoran maklumat kepada media massa. Apakah jenis bantuan yang diberikan kepada keluarga si mati. Apakah tindakan keras yang diambil ke atas surat khabar New Straits Times dan Berita Harian yang menyiarkan berita palsu bahawa rakaman CCTV menunjukkan M. Vasanthapiriya yang mencuri telefon bimbit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes ini berada dalam siasatan pihak polis dan laporan forensik mengenai rakaman kamera litar tertutup (CCTV) bagi mengenal pasti imej individu di dalam CCTV tersebut masih diproses oleh pihak polis. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang telah menyerahkan sejumlah sumbangan wang yang merupakan kadar tetap untuk setiap kehilangan nyawa yang melibatkan murid kepada keluarga mangsa. Selain daripada itu, pihak PIBG sekolah juga telah memberikan sumbangan wang ihsan kepada keluarga mangsa.

RJM41